

## **BERITA HARIAN – 17 MEI 2010**

### **Memahami tanggungjawab belia**

**Oleh Mohd Yahya Mohamed Ariffin**  
**rencanabh@bharian.com.my**

#### **Model Ekonomi Baru perlukan generasi muda cemerlang**

HARI Belia Negara disambut kelmarin dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Apa makna sambutan tahunan ini kepada belia? Sambutan kali ini menunjukkan pengiktirafan besar kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan dan kementerian lain kepada belia, terutama pemimpin dan organisasinya yang banyak memberi sumbangan dalam pembangunan. Namun lebih besar untuk difikirkan daripada pengiktirafan itu ialah tanggungjawab dan bebanan perlu mereka galas dalam memajukan negara. Belia mencerminkan masa depan negara. Jika mereka ada kekuatan daya fikir dan kreatif, selain memiliki daya tahan dan fizikal hebat, maka masa depan negara lebih kukuh, dinamik serta dihormati. Ia sangat bertepatan dengan tema sambutan kali ini: 'Belia Kreatif Pemacu Pembangunan Negara'. Belia tonggak dan pemacu Model Ekonomi Baru (MEB) yang bakal mengubah negara menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang mapan dan inklusif serta menempatkan negara pada landasan betul mencapai wawasan status negara maju menjelang 2020. Namun, wawasan itu gagal dicapai jika belia masih bersikap negatif termasuk tidak berminat menuntut ilmu, lesu, lalai, lemah pegangan agama dan tidak ambil tahu hal politik negara. Sebaliknya, mereka lebih cenderung hal yang tidak bermoral dan selesa dengan kehidupan sekarang.

Menjadikan Malaysia negara maju bukan hanya terletak pada kekuatan ekonomi dan pembangunan fizikal, malah lebih penting mempunyai warga negara yang hebat dan berkualiti dari segi pendidikan, keusahawanan, politik, persatuan dan sukan, di samping pegangan agama yang kukuh.

Kata Najib, MEB bakal merangkumi semua rakyat Malaysia, termasuk belia yang menyumbang dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang mesti adalah elemen asas dalam pendekatan ekonomi baru. MEB akan menjadikan Malaysia lebih kompetitif pada peringkat serantau dan global. Ini menghasilkan manfaat bagi semua rakyat Malaysia apabila pendapatan per kapita masing-masing boleh melonjak daripada AS\$7,000 (RM23,000) kepada AS\$15,000 (RM49,000) setahun dalam tempoh 10 tahun lagi.

Bagi merealisasikan hasrat Perdana Menteri terhadap MEB, belia perlu memberi fokus kepada pendidikan kerana bidang itu asas kekuatan untuk menjadikan mereka bijak pandai yang mencorakkan kejayaan rancangan berkenaan. Bagaimanapun, laporan Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) menunjukkan 80 peratus tenaga kerja tempatan mempunyai taraf pendidikan setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sekali gus tidak sejajar dengan ekonomi berpendapatan tinggi seperti disasarkan.

Presiden Majlis Belia Malaysia, Mohamed Maliki Mohamed Rapiee, dalam reaksinya sangat mendorong belia meningkatkan tahap pendidikan setinggi mungkin atau sekurang-kurangnya pada peringkat SPM kerana peluang pendidikan begitu terbuka luas, khususnya menimba ilmu sehingga peringkat doktor falsafah.

Malah Jabatan Perkhidmatan Awam, Mara, Kementerian Pelajaran serta agensi lain sanggup berbelanja berbilion-bilion ringgit menghantar pelajar melanjutkan pengajian ke universiti terbaik dunia termasuk di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Russia, Jepun, Korea Selatan, Mesir dan Jordan kerana kerajaan mahu mereka menimba ilmu bidang penting kepada negara seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, seni bina, sains dan teknologi maklumat.

Langkah itu bertepatan matlamat MEB untuk membangunkan tenaga kerja berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Lulusan itu serta graduan tempatan bakal menyertai sektor awam mahupun swasta atau sebagai usahawan yang mampu menyokong hasrat kerajaan melihat lebih ramai rakyat dalam kumpulan berpendapatan tinggi.

Dari sudut lain, bidang keusahawanan yang disertai belia bukan saja mampu menjana pendapatan mereka, malah dapat mencipta peluang pekerjaan kepada belia lain seterusnya dapat mengurangkan jumlah yang menganggur. Lagipun, belia Bumiputera masih kurang menceburi bidang keusahawanan yang sebenarnya memberi pulangan lumayan.

Belia juga harus mengambil peluang melalui pembabitan dalam persatuan. Maklumat Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia sehingga April lalu menunjukkan ada 7,709 persatuan belia dengan lebih 1.9 juta ahli berdaftar. Malah kewujudan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 bertujuan memperkasakan semula pertubuhan belia supaya dapat menarik lebih ramai generasi muda bergiat aktif dalam pertubuhan itu.

Apabila belia mampu bergerak secara aktif dalam persatuan sebanyak itu, sudah pasti akan meningkatkan potensi diri mereka menerusi ilmu berpersatuan dan kepimpinan, pendedahan, pengalaman, malah mampu membina jaringan komunikasi antara belia atau persatuan sehingga peringkat antarabangsa.

Dalam kehidupan dunia tanpa sempadan, belia perlu membina jaringan komunikasi supaya dapat membantu diri dalam urusan sosial, ekonomi atau perniagaan dengan pihak lain pada masa hadapan. Mereka wajar bersyukur kerana pelbagai peluang dan ruang diberi kerajaan semata-mata untuk melihat golongan yang bertebaran di atas bumi Malaysia adalah belia yang cemerlang. Belia perlu menjadi hebat. Jika di angkasa jadilah garuda, kalau jatuh ke laut jadi pulau.

**Penulis ialah Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya**